

31 AUG 1996

Mahathir-Merdeka

HARI KEBANGSAAN PERAYAAN UNTUK SEMUA, KATA PM

KOTA KINABALU, 31 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri berkata sambutan Hari Kebangsaan ke-39 yang diadakan di Sabah merupakan perayaan untuk semua rakyat Malaysia.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata walaupun sambutan itu ada kaitan dengan kejayaan Barisan Nasional (BN) di negeri itu, ia tetap satu perayaan bagi semua rakyat negara ini.

"Sedikit sebanyak ia ada kaitan dengan kejayaan BN di Sabah kerana kita mendapat kerjasama daripada kerajaan BN Sabah dalam penyediaan, penyertaan dan sumbangan pada perayaan ini," katanya pada persidangan berita di Lapangan Terbang Lama di sini sebelum berlepas ke Tawau, yang terletak di pantai timur Sabah.

"Bagaimanapun saya berharap sambutan Hari Kebangsaan tidak dipandang daripada sudut parti politik, sebaliknya dianggap sebagai perayaan untuk semua rakyat," katanya.

Perdana Menteri juga yakin Sabah akan maju setanding dengan negeri-negeri lain jika kestabilan politiknya dipelihara.

"Antara pra-syarat kestabilan politik ialah semua kaum mengiktiraf pentingnya kerjasama. Tapi kalau ada pihak tertentu yang mengapi-apikan perasaan perkauman, mengutamakan satu kaum sahaja, ini akan menyebabkan kestabilan politik terjejas," katanya.

Dr Mahathir berkata kemajuan daripada segi ekonomi juga boleh menyumbang kepada peningkatan perpaduan dan menyemai semangat kebangsaan di samping faktor-faktor lain.

Sementara itu, Pengerusi Penganjur sambutan Hari Kebangsaan ke-39, Datuk Sabbaruddin Chik berpuas hati dengan keseluruhan persembahan sambutan bersejarah itu yang pertama kali diadakan di Sabah.

"Saya puas hati dengan acara hari ini, dan keadaan cuaca juga cukup baik berbanding ketika tiga raptai sebelum ini, yang agak panas," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini.

Beliau berkata semua acara hari ini, yang bermula pukul 7 pagi tadi, berjalan mengikut jadual iaitu selama kira-kira dua setengah jam.

Sambutan hari ini disertai lebih 12,000 peserta perarakan manakala ribuan yang lain terbabit dalam acara padang seperti gimrama dengan disaksikan kira-kira 25,000 penonton yang datang dari seluruh negara.

Sabbaruddin, yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, turut gembira dan puas hati dengan penyertaan masyarakat dan peserta Sabah yang telah memeriahkan lagi sambutan.

Beliau berkata Hari Kebangsaan akan disambut di luar Kuala Lumpur setiap tiga tahun dan Pulau Pinang akan menjadi tuan rumah pada 1999.

--BERNAMA

JS KG NAK